

1782

KUALA LUMPUR, 3 JULAI (BERNAMA) -- KERAJAAN TIDAK AKAN MEMBIARKAN SIFAT-SIFAT KEJI UNTUK Mencari Keuntungan Peribadi dari sesuatu kedudukan wujud dalam penyadbiran kerajaan, kata Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini.

Sifat memperalatkan kerajaan kerana muslihat diri akan menjejaskan hasrat dan cita-cita negara, kata Perdana Menteri ketika berucap merasmikan Perhimpunan Agung ke 30, MIC di sini.

Mandat dan kepercayaan yang diberikan oleh rakyat dalam pilihanraya umum yang lalu hanya memberi erti bahawa kerajaan mesti bekerja keras untuk menunaikan segala janjinya.

"Peraksanaan janji-janji kita itu terletak dibahu setiap anggota serta penyokong parti-parti komponen Barisan Nasional, tidak kira samada seseorang itu memegang jawatan dalam kerajaan, ataupun sebaliknya," kata beliau.

Datuk Seri Dr. Mahathir yang juga Pengerusi Barisan Nasional berkata rakyat telah menentukan bahawa mereka mahukan kerajaan bersih, cekap dan amanah.

Rakyat mahukan kerajaan melaksanakan dasar-dasar dengan tegas dan berani bagi menjamin kehidupan mereka yang lebih sempurna, katanya. -- LAGI 1350/MB

MAHATHIR - KEDUDUKAN 2 KUALA LUMPUR

"Ini bermakna bermula dari menteri, hinggalah kepada pegawai paling rendah dalam kerajaan mesti berusaha untuk melaksanakan segala janji," katanya.

Perdana Menteri berkata hasrat untuk menunaikan segala janji itu hendaklah lahir dari keinginan untuk berkhidmat kepada rakyat dan negara dan bukan kerana mahu dipuji, dikenali atau mendapat tempat-tempat tertentu.

"Segala-galanya yang dijanjikan tidak mungkin terlaksana jika menteri-menteri dan timbalan-timbalan menteri, pegawai-pegawai kanan dan semua kakitangan kerajaan tidak berusaha dan berfikir dan bertindak untuk membawa kejayaan," tambah beliau.

Beliau juga mengingatkan bahawa matlamat tersebut mungkin tidak dapat dicapai jika anggota-anggota dan para penyokong kerajaan sebagai penjaga kepentingan mereka yang berpengaruh sahaja.

"Kita tidak boleh membiarkan sifat-sifat keji untuk mencari keuntungan daripada jawatan dan memperalatkan kerajaan kerana muslihat diri dan peribadi untuk menjejaskan hasrat dan cita-cita murni kita," katanya.

Beliau juga menyeru rakyat berkerjasama dan berganding bahu dengan kerajaan untuk memastikan kejayaan pelaksanaan janji-janji tersebut. -- BERNAMA 1355/MB